

Newspaper	Berita Harian
Date	28/4/2013



## 'Kita pilih wakil rakyat bukan untuk basuh pinggan'

Utama calon berbanding parti bukti politik kurang matang

BH-28/4/2013

Hari mengundi bagi Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13) tinggal seminggu saja lagi dan semua parti serta calon yang bertanding semakin memperhebatkan kempen masing-masing bagi meraih undi. Bagi Barisan Nasional (BN), parti itu sudah berikhtiar sebaik mungkin seperti meletakkan calon yang benar-benar layak di samping menawarkan manifesto yang realistik dengan harapan pengundi akan terus memberi mandat kepada BN dalam PRU-13. Pelbagai jangkaan turut dibuat terhadap peluang BN dalam menghadapi PRU kali ini. Wartawan BH, Hasliza Hassan, Mona Ahmad, Mohd Anwar Patho Rohman dan Azrul Affendi Sobry menemubual bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad bagi mendapatkan pandangannya mengenai peluang BN dan alasan mengapa pengundi perlu menyokong BN pada PRU-13



**Wartawan:** Sehingga hari ini, apa pendapat Tun terhadap peluang Barisan Nasional (BN) dalam menghadapi PRU-13?

**Dr Mahathir:** Saya nampak ada tanda-tanda BN akan menang. Memang ada, memang cerah. Soalnya adakah BN boleh mendapat dua pertiga. Saya fikir kemenangan kali ini akan lebih baik daripada 2008 tetapi hendak dapat dua pertiga mungkin susah sikit. Susah sikit pasal bila kita kalah dulu, hendak dapat balik, hendak pulih balik susah. Saya perhatikan dalam kempen terutama yang saya hadir, kehadiran (orang ramai) sangat bagus, semangat pun sangat bagus kerana mereka tepuk tangan dan bersorak. Mereka memang bersemangat. Ia tidak sama seperti 2008. Tidak ramai mahu datang dengar ceramah kerana mereka kecewa Perdana Menteri ketika itu. Malah mereka menolaknya.

**S:** Apakah faktor yang membantu BN untuk menang? Adakah faktor Datuk Seri Najib Razak atau calon yang memperlihatkan momentum sokongan menjurus kepada BN?

**J:** Rakyat sudah merasai pemerintahan parti lawan dan mereka menjadi kecewa kerana parti lawan bukan buat apa-apa pun, cuma cakap politik saja. pembangkang tidak buat apa, tidak melaksanakan janji mereka. Kalau laksana pun sedikit, mereka kecewa. Di Kedah, mereka tidak boleh terima kerajaan PAS lagi dan mereka mahu ubah. Mereka sendiri yang kata mahu berubah daripada pembangkang kembali ke BN. Di Kelantan, rakyat pun sudah lama menderita, lebih 20 tahun menderita, duduk bawah PAS tiada kemajuan, ketinggalan, terpaksa cari kerja di tempat lain. Negeri sendiri kononnya Serambi Makkah tetapi ketinggalan. Satu lagi, mereka lihat pemimpin (PAS) hari ini mengeluarkan fatwa tidak munasabah, umpamanya sembahyang orang UMNO tidak dapat pahala. Mana dia boleh tahu. Orang tidak faham agama

pun tahu ini karut. Kata lagi, masjid UMNO buat pun tidak dapat pahala, maka orang tidak boleh terima lagi. Dulu boleh bohong kata orang UMNO semua kafir tapi sekarang ini orang PAS sendiri, pemimpin PAS sendiri kata ini karut dan tidak boleh kata macam itu. Bahkan ada ulama PAS berkata undi untuk PAS itu haram. Ada juga yang kata, dia dulu kononnya fanatik dan hendak bunuh saya, tapi sekarang dia sadar dan sudah minta maaf. Kesedaran sekarang dalam kalangan pemimpin PAS amat ketara kerana seperti kata Presiden Abraham Lincoln: "Sesekali, anda boleh memperbodohkan semua orang atau sesetengah orang sepanjang masa, tetapi anda tidak memperbodohkan semua orang setiap masa."

**S:** Ada pengundi berkata, mereka mengundi kerana calon, bukan melihat parti. Apa pandangan Tun?

**J:** Itulah yang tidak kena. Pilihan raya bukan soal calon, tetapi soal parti. Kalau calon menang tetapi parti kalah, apa kita dapat. Dia (calon) tidak boleh buat apa, tidak boleh tolong kita pun sebab dia tidak boleh pengaruhi kerajaan. Saya dapati orang di Malaysia belum begitu matang dalam bidang politik demokrasi. Mereka masih utamakan orang tempatan, tidak mahu calon payung terjun dan macam-macam lagi. Saya sendiri (calon) payung terjun. Saya bertanding di Kota Setar Selatan, saya bukan orang Kota Setar Selatan, saya orang Alor Star. Lepas itu hantar (saya) ke Kubang Pasu, itu juga bukan kawasan saya tetapi saya diterima. Sebaliknya, kita masih kata bukan orang kita, bukan orang kampung kita. Ini bukan pilihan raya ini, ini hanya nak menaikkan kawan, adik

beradik, abang adik. Ini menunjukkan mereka belum faham dan matang dalam politik demokrasi

**S:** Mungkin Tun boleh jelaskan lagi kepada pengundi orang itu tidak semestinya calon tempatan, mungkin rakyat perlu faham seseorang yang menjadi calon mampu berkhidmat?

**J:** Ya, itulah tujuan kita. Dulu ada seorang cikgu di Selangor bertanding tiket Bebas dan tiap-tiap pilihan raya dia menang. Kenapa dia menang. Kalau ada kenduri dia hadir, tolong basuh pinggan, kalau ada orang sakit, dia ziarah dan membantu menguruskan jenazah. Namun, adakah kita pilih wakil rakyat untuk basuh pinggan. Kita sepatutnya memilih wakil rakyat kerana kita harap dia boleh menyumbang kepada pembentukan dasar dan pemerintahan yang memberi manfaat kepada negara, bukan diri kita. Tapi kalau negara maju kita juga yang mendapat nikmat. Sebaliknya, kita perlu melihat seseorang calon itu jika berkebolehan mampu berkhidmat dan boleh menyumbang kepada pentadbiran yang baik kepada rakyat, boleh mendatangkan idea dan mendatangkan manfaat kepada bangsa, negara dan agama, orang itu yang kita pilih. Sekarang keadaan lebih kritikal, jangan fikir untuk diri sendiri, sebaliknya fikir untuk perjuangan bangsa, agama dan tanah air melalui parti yang mampu memberi kejayaan kepada bangsa agama dan tanah air.

**S:** Dalam isu agama, adakah rakyat kita juga sudah matang?

**J:** Dalam hadis ada menyebut: "Jika kamu memberi jawatan kepada bukan ahli, maka kesannya amat bu-

ruk." Saya nampak orang yang menyebut pasal agama, dia bukan ikut panduan agama, tapi dia ikut nafsu macam (Mursyidul Am PAS) Datuk Nik Aziz Nik Mat. Dia cakap karut pasal politik, bukan pasal agama. Orang suruh kembangkan agama Islam, menambahkan umat Islam tetapi dia mengkafirkan orang sudah Islam, maka kuranglah jumlah orang Islam. Lepas itu dia kata cuma PAS itu Islam dan Islam itu PAS. Apa jadi kepada orang Pakistan, orang Arab dia tidak boleh masuk PAS. Dia tidak Islamkah? Kenapa cakap bodoh macam itu. Tapi malangnya orang kita terima dan sampai yang sanggup bunuh saya pun ada. Saya hendak tekankan di sini, di negara lain ada orang Islam menganut fahaman Syiah dan Sunnah. Biasanya dua pengikut fahaman ini di luar negara berkelahi, berbunuhan dan berperang tetapi kita di Malaysia semua Sunnah dan mengikut mazhab Imam Syafie, maka tidak ada perbezaan agama antara kita dan tidak patut ada perpecahan kerana agama. Akan tetapi apabila PAS ditubuh, PAS memecahkan orang Islam di Malaysia. Saya cuba perelaskan hal ini, PAS bukan buat penerangan mengenai ajaran Islam, tetapi menyalahgunakan Islam untuk kepentingan politik, bukan untuk kepentingan Islam kerana hendak menang dan hendak dapat kerusi jadi Menteri Besar dan hendak jadi Perdana Menteri.